

Gula RM2.45 juta dirampas

KPDNHEP serbu gudang barang kawalan simpan gula melebihi had ditetapkan

RAZIATUL HANUM A
RAJAK@ATAN

JOHOR BAHRU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor merampas 1,000 tan gula bernilai RM2.45 juta yang disimpan dalam sebuah gudang penyimpanan di Batu Pahat, Khamis lalu.

Pengaruhnya, Mohd Hairul Anuar Bohro berkata, rampasan dibuat berikutan gudang yang beroperasi sejak 10 tahun lalu itu menyimpan barang kawalan berjudal melebihi had simpanan ditetapkan iaitu 2,000 tan.

"Operasi dijalankan antara jam 3 petang hingga 5 petang di sebuah gudang simpan gula di Kawasan Perindustrian Sri Gading, Batu Pahat selepas risikan dibuat selama seminggu.

"Kita sita 1,000 tan gula daripada 3,000 tan yang di-




FOTO: KPDNHEP JOHOR

Pegawai operasi ketika memeriksa stok gula yang disimpan.

simpan dalam gudang itu. Tiada sebarang tangkapan dibuat susulan daripada pernyataan gula ini," katanya kepada pemberita pada siang akhir di pejabatnya di sini semalam.

Mohd Hairul berkata, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Pembekal dan pemborong diingatkan menyimpan barang kawalan mengikut lesen yang dikeluarkan atau dengan kebenaran daripada kerajaan.

"Sekiranya sabit kesalahan, boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) dan Seksyen 22(2) Akta Kawalan Bekalan 1961. Denda individu tidak melebihi RM1 juta atau penjara atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

"Bagi kesalahan kedua, ketiga dan seterusnya denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara atau kedua-duanya sekali. Bagi syarikat didenda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan tidak melebihi RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya," katanya.